

15/06/1998

Time sampai mesej bertentangan: PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap majalah Time menyampaikan mesej yang bertentangan dengan apa yang diutarakan dalam temu bual wartawan majalah itu dengan beliau, baru-baru ini.

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun temu bual itu mengambil masa sejam, hanya sebahagian kecil jawapan beliau dikeluarkan dengan kebanyakannya berbau negatif.

Menurutnya, rencana itu mencerminkan kebebasan yang hanya dinikmati oleh akhbar.

"Inilah kebebasan akhbar...itu komen saya. Kebebasan akhbar bermakna mereka boleh berkata apa saja yang mereka mahu tetapi kita tidak boleh berkata apa-apa ...temu bual itu memakan masa sejam tetapi hanya sebahagian kecil daripada temu bual itu disiarkan dan kebanyakannya pula adalah negatif.

"Apabila anda cuba menjadikan satu jawapan satu ayat, anda mungkin menghantar mesej yang salah. Tetapi saya tidak berhak meminta jawapan penuh saya disiarkan dalam majalah itu kerana itulah yang dikatakan kebebasan akhbar.

"Kebebasan bermakna anda boleh menekan berita yang anda tidak mahu khususnya mengenai mereka yang tidak popular seperti saya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang ini.

Edisi majalah Time bertarikh 15 Jun bertajuk How dare you say these things! memaparkan Perdana Menteri sebagai 'seorang lelaki yang marah' pada muka depannya dan menyatakan bahawa 'Mahathir berpendapat Barat cuba merosakkan ekonomi Malaysia'.

Dalam temu bual kira-kira 60 minit itu, Time diwakili Timbalan Pengarang Time-ASIA, Adi Ignatius dan wakilnya, John Colmey.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan terhadap majalah itu, Dr Mahathir berkata: "Tidak. Buat apa saya ambil tindakan?"

Terdahulu, beliau menerima cek RM20,000 sumbangan Ticket Express Sdn Bhd kepada BN, bagi pelaksanaan program vendor Sukan Komanwel XVI.

(END)